

26 FEB 2003

DR M AKAN LEPASKAN JAWATAN PENGERUSI NAM PADA OKTOBER

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri dan pengerusi baru Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengosongkan kedudukannya dalam pergerakan dengan 116 anggota itu sebaik beliau bersara daripada semua jawatan kerajaan pada Oktober.

"Saya akan berada di sini hanya sehingga Oktober. Jawatan pengerusi itu bukan untuk individu, ia bagi negara. Jadi siapa saja yang mengetuai negara itu akan bertindak sebagai pengerusi," kata Dr Mahathir pada persidangan berita selepas penutupan Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Ditanya oleh seorang wartawan asing sama ada "seorang pemimpin kuat NAM yang baru berada di hadapan kami," Dr Mahathir berkata: "Beliau di sini" katanya sambil menunjuk ke arah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang duduk di sebelah beliau pada sidang media itu.

Ditanya lagi sama ada Dr Mahathir akan melakukan satu keajaiban terhadap NAM sebagaimana beliau merubah negara ini, beliau berkata "Tidak, kami tidak percaya kepada keajaiban, kami terpaksa bekerja keras untuk melakukan semua perkara."

-- BERNAMA

MNY SR RON